

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11/1/2013

Sasaran yang perlu dicapai oleh Kementerian Pelajaran tahun ini

# 8 keberhasilan pendidikan

Oleh HASHNAN ABDULLAH  
pengarang@utusan.com.my

**PUTRAJAYA** 10 Jan. - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sebanyak lapan keberhasilan dalam bidang pendidikan perlu dicapai oleh Kementerian Pelajaran tahun ini.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, penetapan tersebut sejajar dengan usaha untuk menunjukkan kejayaan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Sasaran tersebut ialah mengurangkan 50 peratus sekolah Band enam dan Band tujuh di Kedah dan Sabah; 100 peratus guru opsyen bahasa Inggeris lulus satu tahap penguasaan lebih tinggi dalam Cambridge Placement Test (CPT); 88 peratus enrolmen pra sekolah iaitu meningkat daripada 77 peratus pada 2011 dan 10 sekolah International Baccalaureate (IB) baharu dan 18 buah Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) diwujudkan.

"Selain itu, 100 peratus literasi bahasa Malaysia dan numerasi bagi Tahun Tiga di samping peningkatan ketara dalam literasi bahasa Inggeris; 100 peratus sekolah bandar dilengkapi dengan 4G; 410,000 guru dinilai melalui 'instrumen bersepadu' dan 1,608 buah sekolah yang memerlukan pembaikan kritikal dibaiki," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Perutusan Tahun Baru Kementerian Pelajaran di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Ir. Wee Ka Siong



MUHYIDDIN Yassin melafazkan ikrar perkhidmatan awam ketika menyampaikan Perutusan Tahun Baru Kementerian Pelajaran di Putrajaya, semalam. Turut hadir Dr. Mohd. Puad Zarkashi (dua, kanan), Ir. Wee Ka Siong (dua, kiri), Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr. Rosli Mohamed (kiri), Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Prof. Dr. Rujhan Mustafa (kanan). - BERNAMA

dan Dr. Mohd. Puad Zarkashi.

Muhyiddin berkata, bagi memastikan pelaksanaan semua inisiatif di bawah PPPM itu, Unit Prestasi dan Penyampaian Pendidikan (Padu) akan diwujudkan dengan restu Perdana Menteri.

"Padu akan membantu menyelesaikan situasi bermasalah di peringkat bawah dan mengambil tindakan pembetulan untuk mengatasi masalah yang boleh menjejaskan prestasi," katanya.

Padu merupakan sebuah entiti yang menyuntik sumber kewa-

ngan untuk melaksanakan inisiatif PPPM dan juga bertindak sebagai badan yang menyediakan sokongan untuk penglibatan rakan kongsi dalaman.

Beliau berkata, berdasarkan beban tugas dan tanggungjawab besar itu, anggota Padu akan dianggotai oleh mereka yang berbakat serta berprestasi tinggi.

"Kementerian akan mengenaipasti pegawai sedia ada dan pegawai dari luar kementerian untuk menganggotai Padu," katanya.

## INFO

### LAPAN KEBERHASILAN PPPM UNTUK TAHUN 2013

- 50 peratus pengurangan sekolah Band enam dan Band tujuh di Kedah dan Sabah.
- 100 peratus guru opsyen bahasa Inggeris lulus satu tahap penguasaan lebih tinggi dalam Cambridge Placement Test.
- 88 peratus enrolmen pra sekolah, iaitu meningkat daripada 77 peratus pada 2011 dan 10 sekolah International Baccalaureate (IB) baharu.
- 18 buah Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) diwujudkan.
- 100 peratus literasi bahasa Malaysia dan numerasi bagi Tahun 3, di samping peningkatan ketara dalam literasi bahasa Inggeris.
- 100 peratus sekolah bandar dilengkapi dengan 4G.
- 410,000 guru dinilai melalui 'instrumen bersepadu'.
- 1,608 buah sekolah yang memerlukan pembaikan kritikal diperbaiki